

Pendekatan lebih kreatif selesai masalah rakyat – PM

Utusan Online

10 Mei, 2012

Oleh HELMI MOHD. FOAD

SHAH ALAM 10 Mei - Datuk Seri Najib Tun Razak mahukan Barisan Nasional (BN) mengguna pendekatan lebih kreatif bagi menyelesaikan masalah dan aduan rakyat secara berkesan, sesuai dengan perkembangan era masa kini.

Perdana Menteri berkata, pendekatan tersebut termasuk menyediakan saluran lebih mudah untuk rakyat berhubung dengan kerajaan sebagaimana langkah BN Selangor mewujudkan Pusat Khidmat Rakyat (Pakar).

"Pakar merupakan cara terbaik dan boleh dipertimbangkan untuk diselaraskan dengan BN negeri-negeri lain.

"Ini merupakan satu bentuk pendekatan yang bernilai dan kreatif," kata beliau yang juga Pengerusi BN pada sesi temu bual secara langsung bersama penyampai radio Selangor FM, Dassky Shah Ewas, di sini hari ini.

Sebelum itu, Perdana Menteri telah melancarkan pusat tersebut di Bangunan UMNO di sini dan melayan aduan rakyat yang menghubungi beliau menerusi talian Pakar. - UTUSAN

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0510&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_16.htm